

Langkah mudahkan peraturan imigresen

UM 1 1 OCT 2001

KUALA LUMPUR 10 Okt. — Persidangan Menteri Pelancongan Islam ke-2 yang bermula hari ini akan membincangkan langkah-langkah untuk melonggarkan peraturan imigresen bagi memudahkan kemasukan pelancong dari kalangan negara Islam.

Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Tengku Alaudin Tengku Abd. Majid berkata, perkara tersebut akan turut membabitkan langkah untuk mengurangkan sekatan terhadap urusan pengeluaran visa dan juga pemeriksaan kastam.

"Negara-negara Islam akan diminta melonggarkan peraturan tersebut bagi menggalakkan pelancong beragama Islam melawat negara-negara Islam lain.

"Bagaimanapun ini hanya jika tidak menjejaskan keselamatan negara mereka," katanya selepas menyampaikan ucapan alu-aluan pada hari pertama persidangan yang

bertemakan Pelancongan: Perkongsian Bestari Untuk Perpaduan dan Kemakmuran di sini.

Ita dimulakan dengan mesyuarat peringkat pegawai kanan sehingga esok dan diikuti dengan persidangan peringkat Menteri-Menteri Pelancongan Islam pada Jumaat dan Sabtu ini.

Persidangan yang disertai oleh pegawai-pegawai kanan dan menteri-menteri dari 29 negara anggota Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC).

Persidangan berkenaan akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Jumaat ini.

Konkrit

Tengku Alaudin berkata, persidangan itu juga akan membincangkan langkah-langkah konkrit bagi merealisasikan ketetapan yang telah dibuat semasa Persidangan Menteri Pelancongan Islam pertama di Isfahan, Iran pada tahun lalu.

"Antara langkah-langkah tersebut ialah



bagi meningkatkan kerjasama sesama negara Islam dalam bidang yang penting untuk pertumbuhan sektor pelancongan seperti pemasaran, publisiti, penyelidikan dan latihan," katanya.

Menurutnya, persidangan juga akan membincangkan cara-cara mengatasi masalah kemasukan pelancong Islam yang terlalu tertumpu ke Arab Saudi untuk mengerjakan haji dan umrah.

"Kita akan memikirkan cara-cara bagaimana menggalakkan pelancong melawat negara-negara Islam lain yang juga kaya dengan warisan sejarah Islam dan alam semula jadi," ujarnya.

Ditanya sama ada serangan Amerika Syarikat (AS) terhadap Afghanistan sejak Ahad lalu mem-

beri kesan kepada kehadiran peserta persidangan, Tengku Alaudin berkata, serangan tersebut tidak menjejaskan jumlah kehadiran peserta.

"Kehadiran 15 menteri, empat timbalan menteri, lima duta dan wakil-wakil dari 29 negara OIC kali ini adalah lebih ramai berbanding semasa persidangan yang pertama di Isfahan," tambah beliau.

Peluang

Dalam pada itu, Tengku Alaudin berkata, Malaysia akan menggunakan peluang sempena berlangsungnya persidangan tersebut untuk mempromosikan destinasi-destinasi pelancongan yang terdapat di Malaysia.

Katanya, menteri-menteri dan juga pegawai-pegawai kanan negara-negara OIC terbabit akan dipelawa menyertai pakej lawatan yang melibatkan kawasan sekitar Kuala Lumpur, Putrajaya dan Langkawi.